

BULETIN HEPA



MINGGU MESRA MAHASISWA 2023

SOLIDARITI UMK BERSAMA PALESTIN



MESYUARAT SEKRETARIAT TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSELOR/TIMBALAN REKTOR CHAL EHWAH PELAJAR DAN ALUMNI UNIVERSITI AWAM KALI KE-227, BIL.2/2023 & KETUA PENTADBIR CHAL EHWAH PELAJAR DAN ALUMNI UNIVERSITI AWAM BIL. 2/2023

Mesyuarat yang diadakan pada 24 September 2023 di Grand Renai Kota Bharu, Kelantan. Ini merupakan kali pertama mesyuarat ini diadakan di Kelantan.

Pada sebelah pagi, semua Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor serta Ketua Pentadbir telah bermesyuarat dan diteruskan dengan amanat oleh YBhg. Prof. Dr. Azlinda Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi pada sebelah petang. Pemerksaan dan kebijakan merupakan agenda utama perbincangan mesyuarat bagi memastikan kecemerlangan mahasiswa di negara ini. Majlis makan malam turut diadakan di JL Farahouseboat.



INI MERUPAKAN KALI PERTAMA MESYUARAT SEKRETARIAT TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSELOR/TIMBALAN REKTOR CHAL EHWAH PELAJAR DAN ALUMNI UNIVERSITI AWAM KALI KE-227, BIL.2/2023 & KETUA PENTADBIR CHAL EHWAH PELAJAR DAN ALUMNI UNIVERSITI AWAM BIL. 2/2023 DIADAKAN DI KELANTAN.





SESI PERTEMUAN PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSelor HAL EHWA L PELAJAR DAN ALUMNI BERSAMA BAHAGIAN HAL EHWA L PELAJAR, JAWATAN PENDIDIKAN TINGGI (JPT), KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

Sesi pertemuan bersama En. Hirman bin Awang&Semail, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelajar JPT. Sesi ini turut dihadiri oleh staf Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK.

Agenda pemerksaan mahasiswa merupakan intipati utama dalam sesi yang dijalankan. Pelaksanaan pemerksaan mahasiswa adalah untuk memastikan mahasiswa akan menjadi matang serta mampu meningkat kebolehpasaran graduan usai tamat pengajian..



**"PEMERKASAAN
MAHASISWA
MERUPAKAN AGENDA
UTAMA HEPA"**



SESI PERTEMUAN BERSAMA AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI 25 SEPTEMBER 2023

Sesi pertemuan bersama En Muhammad Danial Khaleq bin Mohd Ali, Lembaga Pengarah Universiti (Wakil Alumni). Sesi ini turut disertai oleh alumni yang bekerja di UMK.

Alumni universiti amat penting kepada sesebuah universiti kerana ia mampu membantu kecemerlangan sesebuah universiti. Maklum balas serta idea baharu amat diperlukan bagi melonjakkan universiti ke tahap yang lebih baik. .



**"SUMBANGAN ALUMNI
AMAT DIPERLUKAN DALAM
PEMBANGUNAN
UNIVERSITI"**





**MAJLIS PENTAUILAHAN DAN TAMAT
LATIHAN SISWA SISWI KOREKSIONAL
(SISKOR) INSTITUSI PENGAJIAN AWAM
TAHUN 2023**
26 SEPTEMBER 2023

Majlis pentauliahan dan tamat latihan SISKOR institusi pengajian awam tahun 2023. Seramai 183 pelatih telah ditauliahkan dan 46 pelatih adalah daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Pelatih Siswa Siswi Koreksional telah mula ditubuhkan pada 2013 di Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sultan Zainal Abidin(UNISZA), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) dan UMK.



**“183 ORANG PELAJAR
DARI 5 BUAH
UNIVERSITI
DITAULIAHKAN”**



HARI PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI 2023/2024

1 OKTOBER 2023

Pendaftaran pelajar baharu telah diadakan pada 1 Oktober 2023 di kesemua kampus. Seramai 3,134 orang pelajar telah mendaftar. Sesi ini berjalan lancar tanpa sebarang masalah dan pelajar akan menjalani Minggu Mesra Mahasiswa (3M).



**"SERAMAI 3,134 ORANG
PELAJAR TELAH
MENDAFTAR BAGI SESI
AKADEMIK 2023/2024"**



MINGGU MESRA MAHASISWA (3M)

SESI 2023/2024

2 – 4 OKTOBER 2023

Minggu Orientasi atau Minggu Mesra Mahasiswa (3M) pelajar baharu Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sesi akademik 2023/2024 telah diadakan bermula 2hb hingga 4hb Oktober 2023 manakala sesi pendaftaran di kolej kediaman telah diadakan pada 1 Oktober 2023. Minggu 3M kali ini telah menerima seramai 3,134 orang pelajar iaitu seramai 1,651 orang di Kampus Kota, 663 orang di UMK Bachok dan 451 orang di Kampus Jeli. Berdasarkan jumlah ini seramai 952 orang lelaki dan 2,182 orang perempuan mendaftar.



**"SERAMAI 3,134 ORANG
PELAJAR TELAH
MENDAFTAR BAGI SESI
AKADEMIK 2023/2024"**



MINGGU MESRA MAHASISWA (3M)

SESI 2023/2024

2 – 4 OKTOBER 2023

Pada tahun ini, Minggu 3M telah dijalankan secara fizikal sepenuhnya dengan pelbagai slot diadakan seperti Majlis Amanat Naib Canselor, taklimat oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Undi 18, Tonggak Madani, slot bersama Talent Corp., sukan, kebudayaan dan aktiviti berkumpulan. Sepanjang Minggu 3M pelajar pelajar telah menerima 2 helai t-shirt, card-holder, lanyard dan makan minum. Seramai 4 orang pelajar OKU telah mendaftar pada sesi akademik kali ini.



**"20 PROGRAM MERANGKUMI
AMAMANT NAIB CANSELOR,
TAKLIMAT HEPA DAN
AKADEMIK, UNDI 18,
KEBUDAYAAN, SUKAN DAN
LAIN-LAIN"**



MAJLIS PERASMIAN DAN MAKAN MALAM MYCAREER @ UMK 2023

15 – 16 OKTOBER 2023

MYCAREER@UMK telah diadakan di Dewan Keusahawanan, Kampus Kota pada 15 hingga 16 Oktober 2023. Ia telah diadakan bermula pada tahun 2021. Tujuan utama diadakan adalah untuk memberikan peluang kepada mahasiswa terutama untuk tahun 3 dan 4 dalam meningkatkan kemahiran digital serta mendapatkan pekerjaan usai pengajian nanti. Sebanyak 10 syarikat telah membuka booth dengan penawaran hampir 300 peluang pekerjaan dan penempatan latihan industri ditawarkan.

Majlis perasmian telah diadakan pada 15 Oktober 2023. Sempena majlis perasmian dan makan malam, pertukaran MoA antara Antbees Sdn Bhd dengan UMK melalui Fakulti Sains Data dan Komputeran. Perjanjian ini memfokuskan kepada penganjuran Program Eksekutif Data Analitik yang memberi platform kepada individu.



**"20 PROGRAM MERANGKUMI
AMAMANT NAIB CANSELOR,
TAKLIMAT HEPA DAN
AKADEMIK, UNDI 18,
KEBUDAYAAN, SUKAN DAN
LAIN-LAIN"**



PERHIMPUNAN SOLIDARITI PALESTIN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

19 OKTOBER 2023

Perhimpunan solidariti Palestin bersama mahasiswa dan staf UMK telah diadakan di Kampus Kota pada 19 Oktober 2023. Seramai hampir 500 orang mahasiswa dan staf turun menyertai perhimpunan ini dengan berarak di sekitar Kampus Kota. YBhg. Prof. Dr. Mohammad bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwla Pelajar dan Alumni) telah menyertai perhimpunan bersama YBrs. En Khairul Eruwan bin Abdul Halim, Pendaftar dan selebriti Amin Idris. Perhimpunan ini merupakan tanda perpaduan warga staf dan mahasiswa UMK menentang kekejaman Israel kepada rakyat Palestin.



**"KEKEJAMAN ISRAEL
KEPADА PALESTIN
PERLU DI TAMATKAN
DENGAN SEGERA"**



SUMBANGAN KOMPUTER RIBA OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

29 OKTOBER 2023

Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) melalui Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI), Johor Bharu telah berbesar hati menyampaikan sumbangan komputer riba kepada 19 orang anak-anak Johor dalam satu(1) majlis pada petang tadi.

Rombongan KUIJSI diketuai oleh YBrs. Tn. Haji Muhammad Sanusi bin Md. Noh, Pendaftar KUIJSI. Manakala, En.Raja Azlan bin Raja Ismail, Ketua Pentadbir/Timbalan Pendaftar Kanan, mewakili Pejabat TNC HEPA. Turut hadir ke program tadi, Saudara Muhammad Farid bin Zainal, YDP MPP UMK.

KUIJSI turut menerangkan inisiatif istimewa yang disediakan untuk anak-anak Johor di UMK. Bahagian Kebajikan menyambut baik dan berbesar hati untuk berkolaborasi bersama KUIJSI pada masa akan datang.



"UMK TERIMA 19 UNIT KOMPUTER RIBA DARI KUIJSI"



MAJLIS APRESIASI PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAH PELAJAR DAN ALUMNI) 30 NOVEMBER 2023

Majlis Apresiasi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) telah diadakan di Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok.

Majlis ini adalah untuk meraikan staf dan mahasiswa yang terlibat dalam Minggu Mesra Mahasiswa (3M) dan PESKO bagi tahun 2023. Turut diraikan adalah penaja-penaja untuk PESKO. Anugerah Fasi Terbaik, Sekretariat Menjana Keuntangan Terbanyak dan lain-lain merupakan antara anugerah yang diberikan dalam majlis ini.

Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Razli bin Che Razak, Naib Canselor dan YBhg. Prof .Dr. Mohammad bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) serta barisan Pengurusan HEPA.



"HEPA MERAIKAN MAHASISWA YANG TERLIBAT DALAM 3M DAN PESKO"



SAMBUTAN HARI SUKARELAWAN SEDUNIA PERINGKAT UMK KAMPUS KOTA 9 DISEMBER 2023

Hari Sukarelawan Antarabangsa (International Volunteer Day) disambut pada setiap 5 Disember sebagai pengiktirafan di peringkat antarabangsa yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak tahun 1985.

Enam universiti awam (UA) terlibat iaitu UNISZA, UMT, USM, UUM, UniMAP termasuk Universiti Malaysia Kelantan melaksanakan Program Sukarelawan bersama Komuniti secara serentak pada hari ini.

Program ini dirasmikan oleh Ybhg. Prof. Dr Mohammad bin Ismail, Timb. Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan turut hadir Pengarah Kanan HEP (selaku Pengarah Sukarelawan UMKVengers), Ketua Pentadbir HEP, staf HEPA dan seramai 300 orang pelajar gabungan dua kelab iaitu Kelab Volunteer Malaysia (VM) dan Komuniti Sukarelawan Mahasiswa (KOSUM).

Tujuannya program ini dilaksanakan adalah untuk memupuk semangat kesukarelawanan yang juga bertepatan dengan rukun ihsan dalam agenda Malaysia Madani yang bermaksud ambil peduli dengan masalah orang lain serta belas kasihan terhadap golongan yang sedang berada dalam kesusahan.

Misi pembersihan ini mensasarkan kawasan persekitaran dalam UMK, Kolej Kediaman dan sekitar Taman Bendahara. Antara agensi yang terlibat dalam menjayakan program ini seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB).

Justeru, penglibatan aktif semua pelajar UA dalam program sukarelawan ini mampu memupuk dan mengasah semangat ingin membantu, prihatin dan simpati dengan masalah orang lain selain mengeratkan perpaduan kerana kita membantu tanpa mengira latar belakang mangsa dan ini sekali gus mendidik diri menjadi warganegara yang bertanggungjawab.



“300 ORANG MAHASISWA TURUN PADANG BERSAMA”



BULETIN HEPA

TERIMA KASIH

#ENTREPRENEURSHIPUNIVERSITY

#WECAREWESERVEWELEAD

#MYHEPAUMK

#MALAYSIA MADANI

News at the
Week - 2

Best Student
- 2

Monthly Calendar of
Events - 3

Summer
Activities - 4